

01 JAN 2002

Ling-Ah Lek

AH LEK DILANTIK TIMBALAN DALAM KUMPULAN PETUGAS MCA BAGI INDERA KAYANGAN

KUALA LUMPUR, 1 Jan (Bernama) -- Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik hari ini mengumumkan pelantikan timbalannya, Datuk Lim Ah Lek sebagai timbalan bagi Kumpulan Petugas MCA bagi pilihan raya kecil dewan undangan negeri Indera Kayangan.

Beliau juga melantik empat naib presiden -- Datuk Dr Fong Chan Onn, Datuk Chua Jui Meng, Datuk Chan Kong Choy dan Datuk Seri Ong ka Ting asebagai naib pengerusi kumpulan petugas itu.

Ketua Pemuda MCA yang digantung tugas Ong Tee Keat dan Ketua Wanita Datuk Dr Ng Yen Yen juga dilantik dalam kumpulan petugas itu, kata Dr Ling ketika dihubungi oleh Bernama di sini hari ini.

Beliau juga berkata semua anggota jawatankuasa pusat parti akan dijemput untuk berkempen dalam pilihan raya kecil itu.

"Kami mahu semua anggota MCA berkempen secara aktif sebagai satu kumpulan MCAdi Indera Kayangan," kata beliau.

Dr Ling berkata keutamaan Barisan Nasional (BN) dan MCA ialah memastikan kemenangan bear bagi calon BN.

Terdahulu, Datuk Lim Ah Lek ketika dihubungi oleh BERNAMA berkata pemimpin MCA dari pelbagai kumpulan akan bermesyuarat di Kangar pada 4 Jan bagi membincangkan persiapan bagi pilihan raya kecil Indera Kayangan.

"Saya akan menghadiri mesyuarat itu," kata beliau.

Semalam, Dr Ling memberitahu pemberita selepas pertemuan dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa semua pemimpin MCA akan pergi ke Indera Kayangan dan berkempen bagi BN sebagai satu pasukan. Mereka akan berada di sana pada Sabtu bagi menunjukkan perpaduan parti.

Kerusi Indera Kayangan di Perlis menjadi kosong berikutan kematian wakil kawasan itu Datuk Khor Liang Tee pada 19 Dis.

Bagaimanapun, Suruhanjaya Pilihanraya belum menetapkan tarikh bagi pilihan raya kecil itu.

-- BERNAMA

FA HK FAZ